



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

***MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY***

**LAPORAN PENEMUAN RINGKAS
BANCI TAHUNAN PERUSAHAAN/PERNIAGAAN (BTP) 2019**

***REPORT OF SUMMARY FINDINGS OF THE
ANNUAL CENSUS OF ENTERPRISES (ACE) 2019***

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

LAPORAN PENEMUAN RINGKAS
BANCI TAHUNAN PERUSAHAAN/PERNIAGAAN (BTP) 2019

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengendalikan **Banci Tahunan Perusahaan/Perniagaan (BTP) 2019** bermula bulan Disember 2019. Objektif utama BTP 2019 adalah untuk mengumpul maklumat terkini mengenai pertumbuhan, sumbangan, komposisi dan taburan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh syarikat perusahaan/perniagaan di Negara Brunei Darussalam.
2. JPES telah mengeluarkan **Laporan Penemuan Ringkas Banci Tahunan Perusahaan/Perniagaan (BTP) 2019** yang memuatkan data mengenai profil dan prestasi perusahaan/perniagaan di sektor swasta pada tahun 2018 dan 2019.
3. Penemuan-penemuan utama yang dimuatkan di dalam Laporan Penemuan Ringkas BTP 2019 adalah seperti berikut:
 - a) **Perusahaan**
 - Sebanyak 6,157 buah perusahaan telah melapor sebagai aktif pada tahun 2019, di mana 97.3 peratus (5,990 buah) adalah terdiri dari perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).
 - Terdapat sebanyak 2,575 buah perusahaan yang bersaiz mikro, iaitu yang mempunyai kurang dari 5 orang pekerja; 2,520 buah perusahaan kecil yang mempunyai antara 5 hingga 19 orang pekerja; 895 buah perusahaan sederhana dengan 20 hingga 99 orang pekerja; dan 167 buah perusahaan selebihnya adalah bersaiz besar dengan 100 orang atau lebih pekerja.

- Tiga kegiatan ekonomi terbesar ialah Perdagangan Borong dan Runcit dengan 2,104 perusahaan (34.2 peratus), diikuti oleh Penginapan dan Perkhidmatan Makanan dengan 716 perusahaan (11.6 peratus); dan Pembuatan dengan 654 perusahaan (10.6 peratus).

b) Pekerjaan

- Lebih ramai pekerja tempatan telah memasuki pasaran kerja di sektor swasta, di mana bilangan mereka telah meningkat sebanyak 5.6 peratus dari 55,194 orang pada tahun 2018 kepada 58,283 orang pada tahun 2019.
- Secara keseluruhan jumlah pekerja sektor swasta telah meningkat sebanyak 3.9 peratus dari 111,686 orang (2018) kepada 116,013 (2019).
- Perdagangan Borong dan Runcit adalah majikan yang terbesar melibatkan 24,925 pekerja (21.5 peratus). Ini diikuti oleh Pembinaan (18,398 pekerja atau 15.9 peratus), Perkhidmatan Profesional, Teknikal, Pentadbiran dan Bantuan (14,780 pekerja atau 12.7 peratus), dan lain-lain.

c) Pendapatan

- Jumlah pendapatan dari aktiviti perniagaan telah mencatatkan peningkatan sebanyak 2.2 peratus dari BND 24.6 bilion pada tahun 2018 kepada BND 25.1 bilion pada tahun 2019.
- Pendapatan terbesar adalah disumbangkan oleh aktiviti Perlombongan dan Kuari bernilai BND 8,401.2 juta (33.4 peratus), diikuti oleh aktiviti Pembuatan sebanyak BND 5,698.9 juta (22.7 peratus), dan aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit sebanyak BND 4,507.9 juta (17.9 peratus).

4. JPES ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pemilik dan pengurus syarikat perusahaan dan perniagaan di atas kerjasama yang diberikan dalam membekalkan maklumat yang diperlukan bagi BTP 2019.

5. Laporan Penemuan Ringkas Banci Tahunan Perusahaan/Perniagaan (BTP) 2019 boleh didapati melalui laman sesawang JPES. Sebarang pertanyaan mengenainya bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang berikut:

Telefon	:	2233344 samb. 651/662 (waktu pejabat)
E-mel	:	economic.census@jpes.gov.bn
Laman sesawang	:	www.deps.gov.bn



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

REPORT OF SUMMARY FINDINGS OF THE
ANNUAL CENSUS OF ENTERPRISES (ACE) 2019

1. *The Department of Economic Planning and Statistics (JPES), Ministry of Finance and Economy has conducted the **Annual Census of Enterprises (ACE) 2019** starting in December 2019. The main objective of ACE 2019 was to collect latest information pertaining to the growth, contribution, composition and distribution of the economic activities undertaken by the business enterprises in the private sector.*
2. *JPES has released the **Report of Summary Findings of the Annual Census of Enterprises (ACE) 2019** which presents data on the profile and performance of the private sector businesses in 2018 and 2019.*
3. *The main findings included in this Report of Summary Findings of the ACE 2019 are as follows:*
 - a) **Enterprises**
 - *A total of 6,157 enterprises have reported as being active in 2019, where 97.3 per cent (5,990 enterprises) comprised of micro, small and medium enterprises (MSMEs).*
 - *There were 2,575 micro enterprises, that is those with less than 5 workers; 2,520 small enterprises which employed between 5 to 19 workers; 895 medium enterprises employing between 20 to 99 workers; and the remaining 167 enterprises were large enterprises with 100 or more workers.*

- *The three largest economic activities were the Wholesale and Retail Trade with 2,104 enterprises (34.2 per cent), followed by Accommodation and Food Services Activities with 716 enterprises (11.6 per cent) and Manufacturing with 654 enterprises (10.6 per cent).*

b) Employment

- *More locals were entering the private sector workforce, where their number has risen by 5.6 per cent from 55,194 persons in 2018 to 58,283 persons in 2019.*
- *The overall total employment in the private sector increased by 3.9 per cent from 111,686 persons (2018) to 116,013 persons (2019).*
- *Wholesale and Retail Trade was the top employer with 24,925 employees (21.5 per cent). This was followed by Construction (18,398 employees or 15.9 per cent), Professional, Technical, Administrative and Support Services (14,780 employees or 12.7 per cent), and others.*

c) Revenue

- *The total revenue from business activities recorded an increase by 2.2 per cent from BND 24.6 billion in 2018 from BND 25.1 billion in 2019.*
- *The highest revenue was generated by Mining and Quarrying valued at BND 8,401.2 million (33.4 per cent), followed by Manufacturing with BND 5,698.9 million (22.7 per cent), and Wholesale and Retail Trade with BND 4,507.9 million (17.9 per cent).*

4. *JPES would like to take this opportunity to express their appreciation to all owners and managers of business enterprises for their cooperation in providing the required information for ACE 2019.*

5. *The Report of Summary Findings of the Annual Census of Enterprises (ACE) 2019 is available from JPES's website. For any enquiries on this matter, please refer to JPES by contacting the lines or browsing through the website below:*

Telephone	:	2233344 ext. 651/662 (working hours)
E-mail	:	economic.census@jpes.gov.bn
Website	:	www.deps.gov.bn